



**KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI**
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

GARIS PANDUAN INISIATIF PENAJAAN PROGRAM STEM CAMP MOSTI TAHUN 2026

Versi 8.0

**Bahagian Pembudayaan dan Perkhidmatan STI
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
Aras 5, Blok C5, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662 Putrajaya**

**Emel: urusetia.tajaansti@mosti.gov.my
Tel: 03-8885 8890**

Tarikh Kemaskini: 22 Januari 2026
(Ruj. Fail: MOSTI/PSTI/S_GP8_2026)

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN		MUKA SURAT
1.	Pengenalan	3
2.	Objektif	4
3.	Kategori Pemohon Tajaan	4
4.	Kumpulan Sasar / Penerima Manfaat	5
5.	Kriteria Permohonan Program	5
6.	Kaedah Pelaksanaan Program	7
7.	Bidang Fokus Program	7
8.	Kitaran Pelaksanaan	8
9.	Proses Permohonan	8
10.	Jumlah Tajaan	13
11	Skop Tajaan	13
12	Penyaluran	14
13	Soalan Lazim (FAQ)	15
14	Maklumat Perhubungan Urus Setia	17

BIL.	PERKARA
1.0	PENGENALAN
	Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030 telah menggariskan enam (6) teras, 20 strategi, 46 inisiatif dan 10 program lonjakan STIE dalam usaha menyokong pertumbuhan ekonomi negara yang adil dan inklusif. Sebanyak 6 teras DSTIN 2021-2030 bertujuan untuk mengintegrasikan elemen-elemen sains dan teknologi dalam minda, kepercayaan dan kebiasaan masyarakat, seterusnya mewujudkan masyarakat yang mampu mengaplikasikan teknologi dalam kehidupan seharian. Teras 5 DSTIN 2021–2030-pula memfokuskan kepada pembudayaan dan pengaplikasian STIE di mana strategi pertama yang digariskan adalah bagi meningkatkan keberkesanan program jangkauan STI. Bagi menyokong Teras 5 DSTIN 2021-2030, Bahagian Pembudayaan dan Perkhidmatan STI (PSTI) adalah bertanggungjawab untuk merancang, mengurus dan menyelaras program kesedaran dan pembudayaan STI MOSTI. Bahagian PSTI juga telah dipertanggungjawabkan untuk memproses permohonan penajaan dan sumbangan yang diterima oleh MOSTI daripada pelbagai pihak seperti badan bukan kerajaan (NGO), Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), persatuan pelajar, syarikat penganjur aktiviti STI dan lain-lain agensi. Bagi melaksanakan intervensi dalam pemeraksanaan bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) pula, MOSTI memainkan peranan besar melalui pelaksanaan program pembudayaan ke arah pembangunan bakat STI di kalangan pelajar dari pelbagai peringkat. Dalam usaha ini, MOSTI mengambil pendekatan <i>Whole of Government Approach</i> (WGA) dengan melibatkan kerjasama yang bersepadu dengan rakan-rakan kerjasama strategik daripada pelbagai kementerian, jabatan dan

	agensi, institut pengajian tinggi awam dan swasta, badan bukan kerajaan (NGO), serta agensi lain yang memainkan peranan penting dalam pembudayaan STI di negara ini. Bagi tahun 2026, penekanan utama adalah pada inisiatif penajaan program STEM Camp untuk menarik minat, meningkatkan pengetahuan, dan meningkatkan kemahiran golongan pelajar, golongan belia, dan orang awam dalam bidang STEM. Inisiatif penajaan ini menekankan pendekatan perkongsian kos di antara MOSTI, pemohon tajaan, rakan kerjasama strategik, dan penganjur bersama (jika ada), yang sama-sama menyumbang sokongan kewangan atau sumbangan dalam bentuk lain (in-kind) bagi memastikan keberkesanan program dan komitmen semua pihak yang terlibat.
2.0	OBJEKTIF
	i. Memperkasakan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) ke arah menegenahkan sains, teknologi dan inovasi (STI) dalam menangani isu-isu rakyat; ii. Menyebarkan kesedaran mengenai kepentingan bidang STEM dalam kehidupan seharian masyarakat Malaysia; dan iii. Meningkatkan pengetahuan dan menambah baik kemahiran dalam aplikasi berkaitan bidang STEM.
3.0	KATEGORI PEMOHON TAJAAN
3.1	Permohonan tajaan ini adalah terbuka kepada: i. Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG); ii. Persatuan pelajar/ komuniti; iii. Badan bukan kerajaan (NGO); atau iv. Agensi/syarikat swasta yang melaksanakan aktiviti kesedaran dan pembudayaan STI

4.0	KUMPULAN SASAR / PENERIMA MANFAAT
4.1	Kumpulan sasaran program terdiri daripada pelajar pra sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, dan lepasan sekolah. Program juga boleh dilaksanakan bersama guru, ibu bapa, serta komuniti sekitar melalui pendekatan berpakej bersama aktiviti pelajar.
4.2	Jumlah peserta diwajibkan sekurang-kurangnya 100 orang peserta bagi satu program. Walau bagaimanapun, pengecualian boleh diberikan bagi penganjuran program di lokasi-lokasi terpencil dengan jumlah pelajar yang terhad;
4.3	Keutamaan adalah diberikan kepada sekolah-sekolah yang terletak di kawasan pinggir dan pedalaman, serta sekolah-sekolah yang kurang terlibat dalam aktiviti STEM atau yang belum menerima pendedahan yang mencukupi dalam bidang STEM.
5.0	KRITERIA PERMOHONAN PROGRAM
5.1	Permohonan tajaan adalah untuk melaksanakan Program STEM Camp Tahun 2026;
5.2	Permohonan dikemukakan kepada urus setia mengikut kitaran permohonan dibuka bagi tahun semasa dan sebelum tarikh program dilaksanakan;
5.3	Program dilaksanakan secara fizikal sepenuhnya dan bersifat luar bilik darjah / jangkauan luar (<i>outreach</i>);
5.4	Pelaksanaan program berkonsepkan pembinaan pengetahuan dan melibatkan modul/ aktiviti interaktif/ hands -on dalam bidang STEM, tanpa melibatkan sebarang bentuk pertandingan. Modul/ aktiviti perlu bersifat santai dan menyeronokkan serta perlu mempunyai elemen STEM secara langsung atau tidak langsung;
5.5	Pemilihan tarikh program hendaklah mengambil kira keadaan cuaca semasa negara dan merujuk kepada takwim persekolahan yang

	dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Tarikh yang dipilih perlu dipastikan sesuai agar menjamin kelancaran pelaksanaan program, keselamatan peserta, dan mengelakkan gangguan terhadap jadual akademik pelajar.
5.6	Pelaksanaan program perlu melibatkan <u>sekurang-kurangnya satu rakan kerjasama strategik*</u> yang terdiri daripada: i. Jabatan dan agensi MOSTI yang menjalankan fungsi pembudayaan STEM termasuk: a. Pusat Sains Negara, b. Planetarium Negara, c. Jabatan Kimia Malaysia, d. Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) e. Jabatan Tenaga Atom Malaysia; dan f. Agensi Nuklear Malaysia dan lain-lain agensi MOSTI berkaitan; ii. lain-lain agensi di bawah Kerajaan Pusat atau Negeri; iii. institut pengajian tinggi awam dan swasta; iv. badan bukan kerajaan (NGO) yang menjalankan fungsi pembudayaan STEM; v. agensi/ syarikat yang menjalankan fungsi pembudayaan STEM; atau vi. lain-lain pertubuhan yang bersesuaian.
5.7	*Individu tidak boleh dilantik sebagai rakan kerjasama strategik program. Di samping itu, rakan kerjasama strategik yang dilantik hendaklah dari agensi yang berbeza, bagi memastikan kepelbagaian dan sinergi yang lebih baik dalam pelaksanaan program.
5.8	Berdasarkan kesesuaian pengisian dan lokaliti program, Kementerian akan memilih sebilangan program untuk pelaksanaan aktiviti tambahan oleh jabatan dan agensi MOSTI yang aktif terlibat dalam pembudayaan STEM, seperti yang disenaraikan dalam 5.5(i). Bagi menyokong pelaksanaan aktiviti tersebut, peruntukan tambahan akan disediakan untuk memastikan kelancaran dan keberkesanan pelaksanaannya.

5.9	Pelaksanaan program boleh dilakukan bersama penganjur bersama yang dilantik oleh pemohon tajaan dari sekolah lain, institusi pengajian tinggi, badan bukan kerajaan (NGO), syarikat swasta, atau pihak lain untuk mengkoordinasikan aktiviti harian program dan memastikan semua komponen program berjalan dengan lancar.
6.0	KAEDAH PELAKSANAAN PROGRAM
6.1	Kaedah pelaksanaan program sebagai mana berikut: i. Kem 2 hari 1 malam: • Melibatkan aktiviti sehingga sesi malam dan peserta bermalam di lokasi. • Program dijalankan di sekolah atau lain-lain lokasi yang kondusif dan bersesuaian. ii. Kem 1 hari: • Melibatkan program sepanjang hari. • Peserta tidak bermalam di lokasi. • Program dijalankan di sekolah atau lain-lain lokasi yang kondusif dan bersesuaian. iii. Aktiviti luar: • Melibatkan program sepanjang hari. • Program dilaksanakan di lokasi tertentu yang mempunyai kemudahan dan sesuai dengan konsep program seperti taman pertanian, taman botani, lokasi agensi di bawah MOSTI atau lain-lain rakan kerjasama strategik. • Aktiviti berbentuk lawatan perlu disepadukan dengan aktiviti hands-on bagi peserta untuk memastikan pengalaman pembelajaran yang interaktif dan bermakna.
7.0	BIDANG FOKUS PROGRAM
7.1	Setiap program perlu dikategorikan mengikut Bidang Fokus Program yang relevan. Bidang Fokus Program merujuk kepada bidang sains utama yang menjadi tumpuan dalam setiap program yang dijalankan.

8.0	CADANGAN KITARAN PELAKSANAAN												
8.1	Pelawaan tawaran program akan dibuka secara kitaran bermula Feb 2026 dan dilaksanakan mengikut kitaran, dengan tempoh penilaian dan pelaksanaan yang ditetapkan seperti berikut: <table><tr><th>Kitaran</th><th>Tempoh Pelawaan</th><th>Tempoh Penilaian</th><th>Tempoh Pelaksanaan</th></tr><tr><td>Kitaran 1</td><td>Feb 2026</td><td>Mac 2026</td><td>April - Julai 2026</td></tr><tr><td>Kitaran 2</td><td>Julai 2026</td><td>Ogos 2026</td><td>Ogos – Nov 2026</td></tr></table> Jadual 1: Cadangan Kitaran Program STEM Camp MOSTI 2026	Kitaran	Tempoh Pelawaan	Tempoh Penilaian	Tempoh Pelaksanaan	Kitaran 1	Feb 2026	Mac 2026	April - Julai 2026	Kitaran 2	Julai 2026	Ogos 2026	Ogos – Nov 2026
Kitaran	Tempoh Pelawaan	Tempoh Penilaian	Tempoh Pelaksanaan										
Kitaran 1	Feb 2026	Mac 2026	April - Julai 2026										
Kitaran 2	Julai 2026	Ogos 2026	Ogos – Nov 2026										
8.2	Kitaran pelaksanaan di atas adalah tertakluk kepada penyesuaian pihak Urus Setia MOSTI berdasarkan keperluan serta keadaan semasa. Sebarang pemakluman mengenai pengemaskinian berkaitan tempoh kitaran program akan disalurkan melalui laman sesawang rasmi MOSTI dari semasa ke semasa.												
9.0	PROSES PERMOHONAN												
9.1	Terdapat lima (5) peringkat untuk permohonan seperti ditunjukkan dalam Rajah 1: PERINGKAT 1: PERMOHONAN ↓ PERINGKAT 2: PENILAIAN → PERINGKAT 3: PEMAKLUMAN KEPUTUSAN ↓ PERINGKAT 4: PEMANTAUAN ← PERINGKAT 5: PELAPORAN Rajah 1: Peringkat Permohonan Tajaan												

9.2	Peringkat 1: Permohonan i. Pemohon tajaan perlu melengkapkan borang permohonan beserta dokumen sokongan dalam tempoh masa yang ditetapkan, secara dalam talian melalui pautan Sistem Permohonan Program Pembudayaan STI MOSTI (S3PM) https://s3pm.mosti.gov.my ii. Permohonan adalah untuk pelaksanaan program pada tahun semasa; dan iii. Permohonan akan disemak oleh urus setia bagi memastikan dokumen lengkap dan menepati garis panduan dan kriteria yang ditetapkan. Hanya permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat akan diteruskan ke peringkat penilaian.
9.3	Peringkat 2: Penilaian i. Penilaian permohonan di peringkat Kementerian akan dijalankan secara kitaran seperti yang ditunjukkan di Jadual 1 (rujuk 8.1); ii. Setiap permohonan akan dinilai oleh Jawatankuasa Penajaan Program STEM Camp MOSTI yang ditubuhkan di peringkat Kementerian dan proses penilaian melibatkan tiga (3) peringkat utama seperti berikut: a. Semakan pentadbiran oleh Urus Setia PSTI; b. Penilaian oleh Jawatankuasa Teknikal (JKT) dari aspek kandungan dan skop program serta memberikan syor perakuan kepada JKP; dan c. Pertimbangan oleh Jawatankuasa Pemandu (JKP) dan memberikan perakuan kelulusan kepada Pegawai Pengawal MOSTI bagi kelulusan muktamad. iii. Permohonan yang dikemukakan tidak akan dinilai/ dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Penajaan, sekiranya pemohon tajaan tidak mematuhi prosedur yang telah ditetapkan, termasuk (tetapi tidak terhad kepada):

- a. tidak mematuhi kategori pemohon tajaan yang digariskan dalam dalam Para 3; dan
- b. gagal menyertakan dokumen-dokumen sokongan yang berikut:
 - Salinan surat persetujuan penyertaan dari sekolah/ PPD/ JPN yang terlibat; dan
 - Cadangan aturcara program

iv. **Permohonan yang lengkap** akan diteliti berdasarkan kriteria seperti di Jadual 2.

Kriteria Penilaian	Penerangan
Pematuhan syarat asas permohonan	• Kategori Pemohon yang dibenarkan. • Status kelulusan atau sokongan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)/ Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)/ Pejabat Pendidikan Daerah (PPD).
Objektif Program	• Objektif program yang jelas. • Selari dengan misi dan visi MOSTI.
Pemilihan lokasi program	• Lokasi tepat dan sesuai dengan konsep serta skop program. • Rangkuman program yang melebihi kumpulan sasaran yang cadangkan.
Penglibatan kumpulan sasaran	• Pemilihan kumpulan sasaran yang bersesuaian dan bilangan sasaran adalah tinggi.
Modul program	• Ketersediaan modul aktiviti • Skop aktiviti yang dirancang • Elemen kreatif dan inovasi dalam pelaksanaan program.
Kos program	• Anggaran kos yang optimum bagi pelaksanaan program. • Pecahan kos program yang efektif secara perkongsian strategik.
Rakan Kolaborasi	• Pasukan pelaksana program yang mahir dan mencukupi termasuk rakan kolaborasi.

Jadual 2: Kriteria Penilaian

	iv. Pemohon tajaan akan dihubungi untuk penyediaan maklumat tambahan (jika perlu). v. Pemohon tajaan akan dijemput untuk membentangkan cadangan program kepada Jawatankuasa Teknikal Penajaan Program Kesedaran dan Pembudayaan STI berdasarkan keperluan dari semasa ke semasa. Proses pertimbangan wajar (<i>due diligence</i>) boleh dilakukan selepas proses penilaian untuk tujuan pengesahan (jika perlu).
9.4	Peringkat 3: Pemakluman Keputusan i. Keputusan permohonan (termasuk penyelarasan kos yang diluluskan di peringkat MOSTI) akan dimaklumkan kepada pemohon tajaan melalui pautan Sistem Permohonan Program Pembudayaan STI MOSTI (S3PM) https://s3pm.mosti.gov.my ii. Pemohon tajaan yang berjaya perlu mengemukakan maklum balas penerimaan bersama maklumat perbankan yang disahkan melalui e-mel atau serahan tangan; dan iii. Keputusan jawatankuasa di peringkat MOSTI adalah <u> MukTAMAD</u>. iv. Sebarang pertukaran tarikh program yang telah dijadualkan mestilah dimaklumkan kepada pihak urus setia di Kementerian sekurang-kurangnya <u>DUA MINGGU</u> sebelum tarikh asal program, bagi memastikan tiada sebarang kesulitan dalam proses penyelarasan dan perancangan logistik program.
9.5	Peringkat 4: Pemantauan Program i. Pihak MOSTI akan menjalankan aktiviti pemantauan dan lawatan tapak bagi menilai pelaksanaan program.

- ii. Penerima tajaan **WAJIB** mengadakan kaji selidik program bagi memperoleh maklumat keberkesanan dan penambahbaikan program yang dijalankan. Bagi tujuan ini, template borang kaji selidik program yang disediakan oleh Kementerian akan diberikan kepada pemohon yang berjaya kelak.

9.6 Peringkat 5: Pelaporan Program

- i. Penerima tajaan **WAJIB** mengemukakan laporan pelaksanaan termasuk laporan perbelanjaan program secara terperinci kepada urus setia selewat-lewatnya **sebulan** selepas program selesai.
- ii. Sekiranya penerima tajaan menunjukkan ketidakpatuhan terhadap kriteria kelulusan pemberian penajaan, Kerajaan berhak untuk menarik balik kelulusan tersebut dan menuntut bayaran semula nilai tajaan yang telah disalurkan.
- iii. Aliran proses permohonan adalah seperti Rajah 2.



Rajah 2: Aliran Proses Permohonan

10 .0	JUMLAH TAJAAN
10.1	Permohonan tajaan kewangan maksimum bagi setiap Program STEM Camp adalah sebanyak RM15,000.00 .
10.2	Jumlah peruntukan yang diluluskan bagi setiap permohonan adalah bergantung kepada penyelarasan kos yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa berdasarkan kesesuaian dan kandungan program.
11 .0	SKOP TAJAAN
11.1	Program hendaklah dilaksanakan secara perkongsian kos (<i>cost-sharing basis</i>), di mana pihak MOSTI, pemohon tajaan tajaan, rakan-rakan kerjasama strategik dan penganjur bersama (sekiranya ada) menyediakan sokongan kewangan atau sumbangan dalam bentuk lain (<i>in-kind</i>) bagi memastikan keberkesanan program dan komitmen semua pihak yang terlibat.
11.2	Pihak MOSTI, menerusi jabatan dan agensi, bersedia menyediakan perkhidmatan <i>in-kind</i> untuk membantu pengisian modul aktiviti bagi program pemohon penaja.
11.3	Tajaan secara penyaluran peruntukan kewangan merangkumi perkara berikut: i. Bayaran khidmat pakar/ penceramah/ jurulatih/ fasilitator • Kadar bayaran khidmat pakar, penceramah, dan jurulatih sebanyak RM300 sehari; dan • Kadar bayaran fasilitator sebanyak RM100 sehari ii. Bahan kimia/ bahan pakai buang iii. Peralatan interaktif/ <i>hands on</i> berkaitan sains (<i>Perincian kos peralatan yang dipohon adalah diwajibkan untuk dikemukakan bersama borang permohonan</i>) iv. Insuran berkelompok kepada peserta (<i>bagi program bermalam sahaja</i>);

11.4	v. Makan minum peserta*; vi. Pengangkutan peserta; dan vii. Penginapan peserta (<i>bagi program bermalam sahaja</i>). * Makan minum peserta hendaklah mengamalkan pemakanan yang sihat selaras dengan Dasar Pemakanan Kebangsaan, dengan memastikan makanan yang disediakan mencukupi, berzat, selamat, dan berkualiti. Skop permohonan peruntukan tidak merangkumi: i. Pembelian aset dan projek infrastruktur; ii. Bayaran tiket masuk bagi sebarang program atau fasiliti berbayar; iii. Bayaran yuran atau kos pengendalian kepada pihak ketiga bagi pelaksanaan aktiviti pembudayaan; iv. Percetakan bahan-bahan promosi seperti bunting, brosur dan banner; v. Tuntutan perjalanan dan penginapan pakar/ penceramah/ jurulatih/ fasilitator/guru; vi. Hadiah pertandingan dan bayaran sagu hati peserta; dan vii. Perkara-perkara lain yang tidak bersesuaian dengan program yang ingin dilaksanakan.
12.0	PENYALURAN TAJAAN
12.1	Pembayaran akan dibuat setelah pihak urus setia menerima akuan penerimaan tajaan dan maklumat perbankan penerima yang disahkan.
12.2	Kaedah pembayaran bagi penerima tajaan peruntukan kewangan adalah secara <i>electronic funds transfer</i> (EFT) kepada akaun penerima yang sah sahaja.

13.0	SOALAN LAZIM (FAQ)
13.1	Sebagai sebahagian daripada usaha penambahbaikan berterusan, FAQ ini diwujudkan selaras dengan dapatan pemantauan program, agar penganjur seterusnya dapat merujuk kepada amalan terbaik yang telah dikenal pasti dan dilaksanakan sebelum ini. Berikut adalah senarai FAQ berkaitan: 1. Apakah tujuan utama penganjuran Program STEM Camp ini? Program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan awal serta memupuk minat peserta terhadap bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) melalui pendekatan pembelajaran yang menyeronokkan dan interaktif. Ini membantu peserta mengenal pasti potensi diri dan hala tuju kerjaya dalam bidang berkaitan. 2. Siapakah pihak yang terlibat dalam pelaksanaan program ini? Program ini dianjurkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama institusi pengajian, agensi kerajaan dan pihak industri. Perkongsian ini membolehkan pelaksanaan program yang lebih berkesan melalui penggunaan sumber dan kepakaran bersama. 3. Apakah jenis aktiviti yang ditawarkan kepada para peserta? Peserta akan menyertai pelbagai aktiviti seperti lawatan sambil belajar, bengkel teknologi (contohnya penggunaan dron dan pencetak 3D), serta aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong dan pembersihan pantai. Aktiviti interaktif pembudayaan STI turut diterapkan seperti demonstrasi sains, pertandingan inovasi mini, dan kuiz STEM. Ini bertujuan menggalakkan pemikiran kreatif, menyemai minat terhadap sains, serta meningkatkan kefahaman secara menyeronokkan dan mudah dihayati.

- 4. Bagaimanakah modul disampaikan kepada para peserta?**
Modul disampaikan oleh tenaga pakar melalui pendekatan pembelajaran yang interaktif dan praktikal. Kaedah ini membantu peserta mengaplikasikan pengetahuan secara langsung dan meningkatkan minat serta kefahaman terhadap subjek STEM.
- 5. Adakah semua peserta mampu mengikuti program ini dengan baik?**
Terdapat kemungkinan segelintir peserta menghadapi cabaran, khususnya mereka yang belum menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M). Bagi mengatasi isu ini, sokongan tambahan seperti bimbingan individu atau kumpulan kecil boleh disediakan bagi memastikan setiap peserta mendapat manfaat optimum.
- 6. Adakah program ini pernah terjejas oleh sebarang gangguan luar?**
Ya, pelaksanaan program pernah terjejas akibat faktor luar seperti bencana banjir. Bagi mengurangkan kesan gangguan, pelan kontingensi dan penjadualan semula secara fleksibel perlu disediakan lebih awal.
- 7. Bilakah program ini kebiasaannya dijalankan?**
Program ini lazimnya dijalankan mengikut perancangan tahunan. Pelaksanaannya disarankan sebelum musim tengkujuh bagi mengelakkan gangguan cuaca. Penetapan tarikh lebih awal boleh membantu urusan logistik dan penyertaan yang lebih baik.
- 8. Apakah peranan guru dalam program ini?**
Guru berperanan sebagai fasilitator tambahan yang membantu peserta memahami kandungan modul serta memastikan kelancaran sesi pembelajaran. Penglibatan guru juga penting untuk menyokong peserta dari segi motivasi dan disiplin sepanjang program.

	9. Adakah elemen promosi dan pemasaran dibenarkan dalam program ini? Tidak. Sebarang bentuk promosi atau pemasaran tidak dibenarkan sepanjang program berlangsung bagi mengekalkan fokus kepada objektif pendidikan STEM. Sebarang bentuk hebahan atau publisiti hanya dibenarkan secara terhad, beretika, dan dengan kelulusan rasmi penganjur. 10. Apakah penambahbaikan yang dirancang bagi pelaksanaan program akan datang? Antara penambahbaikan yang dirancang termasuk pemilihan tarikh yang lebih sesuai, penglibatan awal guru dan urus setia, serta penstrukturan semula aktiviti agar lebih seimbang dan tidak membebankan peserta. Penggunaan sistem penilaian impak program juga akan diperkenalkan bagi menilai keberkesanan secara menyeluruh.
14.0	MAKLUMAT PERHUBUNGAN URUS SETIA
14.1	Sebarang pertanyaan mengenai program STEM Camp MOSTI boleh diajukan kepada: Urus setia Jawatankuasa Penajaan Program Kesedaran dan Pembudayaan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) Bahagian Pembudayaan dan Perkhidmatan STI Aras 5, Blok C5, Kompleks C Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62662 Putrajaya Emel: urusetia.tajaansti@mosti.gov.my No. Telefon: 03-8885 8890/ 8897/ 8204